

SYARAT PERMOHONAN

PEMOHON

1. Syarikat / Koperasi / Agensi / Persatuan / Individu perlu mengusahakan ladang hutan dengan spesies yang diluluskan di bawah ITP.
2. Pembiayaan ITP ini adalah bagi aktiviti pembangunan ladang sahaja dan bukan untuk lain-lain tujuan dan aktiviti.
3. Syarikat / Koperasi / Agensi / Persatuan / Individu yang mempunyai hutang tertunggak dengan MTIB adalah tidak dibenarkan menyertai program ini.
4. Syarikat / Koperasi / Agensi / Persatuan / Individu mestilah mempunyai perjanjian pembelian semula (buy-back) antara syarikat dengan pengilang/pembeli bahan mentah atau membuktikan tanaman adalah untuk kegunaan sendiri.
5. Syarikat / Koperasi / Agensi / Persatuan / Individu perlu berdaftar sebagai pedagang MTIB atau mana-mana kategori tertakluk kepada peraturan yang berkuat kuasa.
6. Pemilik dan pemegang saham yang sama tidak dibenarkan memohon lebih dari satu permohonan bagi Syarikat / Koperasi / Agensi / Persatuan berlainan. Hanya satu kelulusan akan diberikan kepada pemohon yang memenuhi syarat dan kriteria yang ditetapkan.

SYARAT PERMOHONAN

KEPERLUAN TEKNIKAL

1. Surat Kelulusan Laporan Penilaian Alam Sekitar [*Environment Impact Assesment (EIA)*] / Pelan Pengurusan Alam Sekitar [*Environment Management Plan (EMP)*] ke atas kawasan projek yang hendak dimajukan tertakluk kepada peraturan yang berkuat kuasa.
2. Pokok yang ditanam hendaklah berusia antara satu (1) hingga tiga (3) tahun.
3. Pemohon perlu mengemukakan peta digital bagi kawasan yang dipohon (*hardcopy*) dan peta digital dalam format *shapefile* (*softcopy*) yang disahkan atau dokumen bersesuaian mengikut undang-undang semasa bagi mengesahkan lokasi yang dimaksudkan.
4. Kawasan permohonan hendaklah di luar kawasan yang dizonkan sebagai *Central Forest Spine (CFS)* bagi Semenanjung Malaysia.
5. Bagi permohonan untuk kawasan baharu, pembangunan kawasan perlu dilaksanakan dalam tempoh satu tahun dari tarikh kelulusan permohonan.

Untuk maklumat lanjut hubungi :

Bahagian Perlindungan Hutan
Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia
Tingkat 9, Menara PGRM (Tower 2)
No. 8, Jalan Pudu Ulu, Cheras
56100 Kuala Lumpur

☎ 03-9282 2235

🌐 www.mtib.gov.my



Program Pembangunan *Industrial Tree Plantation* (ITP)

Program Pembangunan *Industrial Tree Plantation* (ITP) merupakan inisiatif Kerajaan bagi menyokong pembangunan ladang hutan spesies cepat membesar untuk tujuan industri kayu. Program bantuan insentif berupa geran padanan ini bertujuan menggalakkan pelaburan dalam penanaman hutan melalui mekanisme bayar dahulu dan tuntutan kemudian (*pay & claim*).

KRITERIA PERMOHONAN

1. Syarikat / Koperasi / Agensi / Persatuan/ Individu perlu mengusahakan ladang hutan dengan spesies cepat besar.
2. Bagi permohonan untuk kawasan baharu, pembangunan kawasan perlu dilaksanakan dalam tempoh satu tahun.

6. Mempunyai tanah yang sesuai untuk perladangan hutan sama ada milik sendiri atau pajakan tidak kurang dari 20 tahun atau lebih dengan keluasan tanah 40 hektar dan ke atas.
7. Ladang hutan yang diusahakan hendaklah di atas tanah hak milik Kerajaan atau milik persendirian dan mematuhi peraturan sedia ada yang sedang berkuat kuasa.

KADAR PEMBIAYAAN

1. Kaedah: bayar dahulu dan tuntutan kemudian (pay and claim) iaitu pemohon mendahulukan kos, tuntutan selepas kerja siap dan bayaran terus ke akaun pemohon
2. Bagi kelulusan berdasarkan kemajuan kerja (progress payment), bayaran akan dibuat berdasarkan kerja-kerja pembangunan sehingga ke penanaman pokok perlulah diselesaikan dalam tempoh setahun dari tarikh kelulusan pemberian geran.
3. Had tuntutan: 30% atau maksimum RM6,000 sehektar daripada jumlah kos pembangunan (yang mana lebih rendah).
4. Pembiayaan ini adalah bagi membiayai kos pembangunan ladang iaitu bagi aktiviti pembersihan dan penyediaan kawasan, penanaman dan penyelenggaraan.

KEPERLUAN DOKUMEN

- ☒ Borang Permohonan.
- ☒ Profil Syarikat / Koperasi / Agensi / Persatuan beserta carta terkini.
- ☒ Salinan Borang 9, 24 dan 49; Akta Syarikat 2016 bagi syarikat yang memohon (disahkan).
- ☒ Satu Naskhah "Memorandum & Article of Association" / Constitution / Enakmen / Peraturan Kecil & perlembagaan untuk Koperasi (disahkan).
- ☒ Salinan resit tuntutan bagi pembangunan ladang (disahkan).
- ☒ Salinan perjanjian pembelian semula (*buy-back*) antara syarikat dengan pengilang/pembeli bahan mentah (telah dimatikan setem) atau pembuktian tanaman adalah untuk kegunaan sendiri.
- ☒ Kertas Kerja Cadangan Projek (jika berkaitan).
- ☒ Salinan dokumen status tanah (Geran/ Perjanjian Pajakan).
- ☒ Surat Kelulusan Laporan Penilaian Alam Sekitar [*Environment Impact Assesment (EIA)*].
- ☒ Peta Kawasan Topografi / Pelan Berskala / Pelan Survey beserta Peta Digital yang sah atau dokumen bersesuaian mengikut undang-undang semasa bagi mengesahkan lokasi yang dimaksudkan.

1. Pajakan / Pemilikan bagi perniagaan berstatus Sendirian Berhad yang didaftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
2. Tanah di bawah hak milik persendirian adalah dibenarkan namun tertakluk kepada situasi dan undang-undang semasa.
3. Bagi pertubuhan Koperasi, permohonan hanya dibenarkan sekiranya tanah projek dimiliki atau dipajak secara sah atas nama koperasi yang berdaftar dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), dan tempoh pajakan hendaklah merangkumi keseluruhan kitaran tanaman.
4. Bagi pemohon di bawah kategori persatuan / pertubuhan, perlu mengemukakan salinan pendaftaran pertubuhan dari Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia atau minit mesyuarat Agung Tahunan (AGM).
5. Spesies yang ditanam / dipohon hendaklah dinyatakan dalam Perjanjian Pajakan atau syarat nyata Hakmilik Tanah atau diluluskan oleh pihak berkuasa yang berkaitan.